

# PUSAT SAINS NEGARA

## KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tender	Tajuk Projek	Taraf / Jenis Syarikat*	Gred, Kategori & Pengkhususan/Kelas, Tajuk & Tajuk Kecil/Kelas, Kepala & Sub-Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Unit Pendidikan Pusat Sains Negara Bukit Kiara 50662 Kuala Lumpur	KERJA-KERJA MENAIKTARAF PERSEKITARAN DAN PENGISIAN DIGITAL RUANG AKTIVITI PUSAT SUMBER DI PUSAT SAINS NEGARA KUALA LUMPUR	<b>BUMIPUTERA</b>  Dipelawa kepada syarikat tempatan yang 100% milik warganegara tempatan	i. Berdaftar dengan CIDB <b>Gred: G3</b> <b>Kategori: B</b> <b>Pengkhususan: B28</b>  ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan  iii. Mempunyai Sijil Taraf Bumiputera yang sah	Pejabat Pentadbiran, Aras 3, Pusat Sains Negara Bukit Kiara 50662 Kuala Lumpur  Tarikh Dokumen Dijual:  <b>11 Oktober 2024 (Jumaat)</b> <b>Hingga</b> <b>25 Oktober 2024 (Jumaat)</b>	Harga Dokumen: <b>RM60.00</b>  <b>Pengarah</b> <b>Pusat Sains Negara</b>	Pejabat Pentadbiran, Aras 3, Pusat Sains Negara Bukit Kiara 50662 Kuala Lumpur  Tarikh Tutup Tender: <b>01 November 2024 (Jumaat)</b>  Waktu: <b>12.00 tengahari</b>
Lawatan tapak adalah <b>DIWAJIBKAN</b> . <b>Taklimat Tender</b> akan diadakan pada tarikh <b>11 Oktober 2024</b> dan jam <b>10.00 pagi</b> di Aras 3, Auditorium Ibnu Sina, Pusat Sains Negara.						

- Hanya penama yang tercatat di dalam sijik PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontraktor / syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai selain daripada penama dalam PPK, SPKK, PUKONSA atau UPKJ.
- Bayaran bagi Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk Draf Bank/ Kiriman Wang di atas nama **Pengarah Pusat Sains Negara**. Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan/ sijil **ASAL** Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (jika berkenaan) beserta satu salinan sijil-sijil tersebut..
- Dokumen Tender yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam satu (1) sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Pejabat Pentadbiran, Aras 3, Pusat Sains Negara, Bukit Kiara, 50662 Kuala Lumpur pada tarikh dan masa yang ditetapkan seperti di atas**. Tender yang lewat dari tarikh dan masa ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.